Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2024, Volume 9, Issue 6, e002886
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i6.2886

RESEARCH ARTICLE

Pengetahuan dan Amalan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Terbeza

(Knowledge and Practice of Islamic Education Teachers in Differentiated Teaching)

Siti Normidah binti Awang Besar[1*], Khadijah Abdul Razak[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: ctnormidah30@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: khadijah.razak@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Siti Normidah binti Awang Besar
(ctnormidah30@gmail.com)

KATA KUNCI:
Pengajaran Terbeza
Guru Pendidikan Islam
Tahap Pengetahuan
Tahap Amalan
Pengajaran dan Pembelajaran

KEYWORDS:
Differentiated Teaching
Islamic Education Teachers
Knowledge Level
Practice Level
Teaching and Learning

CITATION:
Siti Normidah Awang Besar, & Khadijah Abdul Razak. (2024). Pengetahuan dan Amalan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9*(6), e002886. https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i6.2886

ABSTRAK

Pengajaran terbeza merupakan satu pendekatan pengajaran yang digunakan untuk membantu guru menangani kepelbagaian tahap penguasaan murid di dalam bilik darjah yang sama. Artikel ini membincangkan tahap pengetahuan dan amalan guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran terbeza yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya dapat membantu guru merancang dan memilih kaedah, teknik dan pendekatan yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Populasi kajian adalah guru Pendidikan Islam sekolah rendah kategori luar bandar di Daerah Kota Kinabalu. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang melibatkan 101 orang responden dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) edisi 29.0. Hasil kajian mendapati kedua-dua konstruk yang diukur iaitu pengetahuan dan amalan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza berada pada tahap tinggi. Implikasi kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada guru Pendidikan Islam dalam mempelbagaikan kaedah, teknik dan pendekatan dalam pengajaran Pendidikan Islam kepada murid seterusnya dapat mengembangkan potensi murid secara optimum.

ABSTRACT

Differentiated teaching is a teaching strategy that assists teachers in dealing with the variation of proficiency levels among students in the same classroom. The purpose of this study is to discuss the degree of knowledge and practice of Islamic Education instructors in practicing differentiated teaching, as implemented by the Malaysian Ministry of Education. Thus it can assist instructors in planning and selecting appropriate tactics, strategies, and approaches for

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

teaching and learning in the classroom. The survey approach is used in this quantitative research. The participants in the study are Islamic Education teachers from rural primary schools in the Kota Kinabalu District. A questionnaire with 101 respondents was used to collect data, which was then analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 29.0. The findings revealed that the two assessed variables, namely Islamic Education teachers' degree of knowledge and level of practice in differentiated teaching, had a high overall mean score. The findings of this study are intended to help Islamic Education teachers vary their methods, strategies, and approaches to teaching Islamic Education to students in order to maximise students' potential.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan menambahkan pemahaman mengenai pendekatan pengajaran terbeza dan bagaimana mengaplikasikannya di dalam bilik darjah. Kajian ini juga dapat dijadikan rujukan oleh para penyelidik, penggubal dasar dan pihak berkepentingan lain dalam usaha memahami lebih mendalam tentang pengajaran terbeza.

1. Pengenalan

Pengajaran terbeza adalah kaedah pengajaran yang mengambil kira kepelbagaian dalam kalangan murid. Ia mengiktiraf bahawa setiap murid mempunyai keperluan, gaya pembelajaran, kebolehan, dan keperluan perkembangan yang berbeza. Pengajaran yang menggunakan pendekatan bersifat *"one-size-fits-all"* tidak relevan lagi digunakan di dalam bilik darjah (Bondie et al., 2019). Oleh yang demikian, pada tahun 2019 Kementerian Pendidikan Malaysia menyarankan murid-murid tidak lagi diasingkan mengikut tahap pencapaian akademik tetapi ditempatkan di dalam bilik darjah yang sama. Ini menuntut para guru menyampaikan pengajaran dan pembelajarn dengan kaedah, teknik dan pendekatan terbaik yang dapat merangkumi tahap kecerdasan dan gaya pembelajaran murid supaya dapat mencapai objektif pembelajaran. Pengajaran terbeza merupakan pendekatan pengajaran yang dapat diimplimentasikan kepada murid di dalam kelas yang sama dan merupakan pendekatan pengajaran yang menerima persamaan murid serta menggunakan perbezaan murid sebagai elemen penting. Oleh yang demikian, guru-guru seharusnya mempunyai pengetahuan yang mendalam, menguasai serta dapat mengaplikasikan pengajaran terbeza bagi mencungkil potensi murid dan dapat mengikuti proses pembelajaran dengan bermakna.

1.1. Permasalah Kajian

Penyelidikan yang membincangkan mengenai tahap pengetahuan dan amalan guru dalam pengajaran terbeza banyak dijalankan. Dalam beberapa kajian mendapati tahap pengetahuan dan amalan guru dalam pengajaran terbeza berada di tahap tinggi (Rosidah & Nurahimah, 2020; Ain Nur Atika, 2021; Kee & Zamri, 2023). Ini menunjukkan guru mampu menguasai dan melaksanakan pelbagai pedagogi seterusnya menyesuaikannya dengan kebolehan dan kemampuan murid dalam mencapai objektif pembelajaran. Walaupun demikian, terdapat kajian yang menunjukkan kedua-dua tahap pengetahuan dan amalan berada di tahap yang sederhana dan rendah (Nuraishahtun et al., 2019). Seperti yang diketahui, murid-murid mempunyai tahap kognitif yang tidak sama antara

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

satu dengan yang lain. Ini sepatutnya ditangani oleh guru dengan melaksanakan pedagogi terbeza agar murid dapat menguasai isi pelajaran yang disampaikan. Namun terdapat guru-guru yang kurang mengetahui tentang pedagogi terbeza yang sesuai digunakan untuk menangani kepelbagaian murid. Hal ini bermaksud guru kurang pendedahan dan pengetahuan dalam melaksanakan pengajaran terbeza.

Begitu juga dalam kajian yang lain mendapati guru-guru kurang mengetahui tentang pedagogi terbeza yang sesuai digunakan untuk menangani kepelbagaian murid. Ini selari dengan kajian Zurina et al. (2021) dimana kajian mendapati pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) masih berada pada tahap sederhana. Kajian Ithar Hanani dan Khadijah (2022) turut mendapati guru Pendidikan Islam masih kurang mengaplikasikan pengajaran terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah. Pengkaji juga mencadangkan agar GPI berusaha bersungguh-sungguh mempelajari cara mengaplikasikan pengajaran terbeza. GPI juga boleh menyediakan modul pengajaran terbeza dalam pendidikan Islam sekiranya telah memahami dan mendalami konsep pengajaran terbeza.

Terdapat juga guru yang masih mengajar menggunakan kaedah konvensional dan kuliah. Pernyataan ini ditemukan dalam kajian Mohd Faeez et al. (2022). Dalam kajian ini didapati guru masih menggunakan kaedah konvensional iaitu hanya menggunakan chalk and talk dalam penyampaian pengajaran walaupun sistem pendidikan telah berkembang seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Ini menyebabkan murid berasa bosan dan menimbulkan hilang fokus terhadap pengajaran guru seterusnya melibatkan tahap pencapaian murid menjadi rendah. Seharusnya guru mengaplikasikan pelbagai kaedah dalam pengajarannya seperti pengajaran terbeza agar sesuai dengan keperluan individu murid. Ini kerana setiap murid mempunyai kekuatan, kelemahan dan cara pembelajaran yang berbeza. Oleh yang demikian, kajian ini ingin mengkaji apakah tahap pengetahuan dan tahap amalan GPI dalam pengajaran terbeza. Tambahan lagi kajian pedagogi terbeza terhadap guru Pendidikan Islam di Sabah masih kurang dijalankan. Justeru itu, kajian ini akan menjawab persoalan apakah tahap pengetahuan serta amalan guru dalam melaksanakan pengajaran terbeza kepada murid yang mempunyai pelbagai tahap kecerdasan dan penguasaan di sekolah rendah kategori luar bandar di Daerah Kota Kinabalu, Sabah.

1.2. Objektif Kajian

Secara keseluruhannya, objektif utama dalam kajian ini adalah untuk:

i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza.
ii. Mengenal pasti tahap amalan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza

2. Sorotan Literatur

Pengajaran terbeza, atau yang juga dikenali sebagai pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid, adalah satu pendekatan dalam pendidikan yang diperkenalkan oleh Carol Ann Tomlinson pada tahun 1995 (Zurina et ., 2021). Menurut Tomlinson (2008), terdapat empat falsafah pedagogi terbeza yang patut dipatuhi. Antaranya ialah (i) setiap murid berupaya mengikuti pelajaran, (ii) kepelbagaian murid adalah sesuatu yang normal, (iii) guru menjadi asas kejayaan pelajar dan (iv) guru percaya setiap murid boleh berjaya. Selain itu, terdapat empat elemen utama yang diambil kira dalam melaksanakan pengajaran terbeza. Elemen tersebut adalah kandungan pelajaran yang disesuaikan,

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

proses pembelajaran yang dibezakan, produk atau hasil pembelajaran murid yang dibezakan dan persekitaran bilik darjah yang disesuaikan. Kesemua elemen ini penting untuk memastikan pengajaran terbeza dapat memberi kesan dan manfaat kepada setiap murid dalam pelbagai aspek kesediaan, minat dan profil pembelajaran mereka. Elemen pertama ialah guru perlu mengubah suai kandungan pelajaran yang terdapat dalam topik sesuatu mata pelajaran. Ini bermakna guru menyesuaikan isi pelajaran yang perlu diketahui dan difahami oleh murid seperti mamahami konsep, fakta dan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam sesuatu topik pelajaran. Pengubahsuaian ini dapat membantu murid memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru walaupun murid mempunyai tahap kemahiran yang berbeza di dalam bilik darjah yang sama.

Elemen yang kedua ialah mengubah suai proses pembelajaran. proses ini melibatkan pemilihan dan penyusunan aktiviti-aktiviti serta strategi pengajaran oleh guru untuk mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Proses ini merujuk kepada pemilihan aktiviti-aktiviti dan strategi yang dirancang oleh guru untuk mencapai objektif pembelajaran. Guru menyusun aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan murid dengan mengambil kira kepelbagaian murid di dalam bilik darjah. Ini bertepatan dengan kajian Halida dan Zamri (2021), yang menerapkan pengajaran terbeza dalam pengajaran bahasa Melayu dengan mengambil kira pelbagai kaedah dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dalam pengajarannya. Elemen ketiga iaitu pengubahsuaian produk atau hasil bermaksud murid mempamerkan dan menghasilkan hasil pembelajaran setelah menguasai kandungan dan mengikuti proses atau aktiviti pengajaran yang telah disusun oleh guru. Dalam pengajaran terbeza, guru perlu mengambil kira elemen persekitaran dalam merancang PdP. Persekitaran membawa maksud persekitaran di dalam dan di luar bilik darjah. Guru seharusnya memastikan persekitaran murid kondusif agar pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dan diterima dengan berkesan.

2.1. Teori Pengetahuan Guru

Pengetahuan adalah maklumat dan informasi yang dimiliki atau diketahui oleh seseorang berdasarkan dari pengalamannya, latar belakang pendidikan mahupun dari pengamatannya. Pengetahuan guru merujuk kepada penguasaan terhadap mata pelajaran yang diajar demi memastikan murid memahami isi kandungan yang disampaikan oleh guru. Menurut Shulman (1986), seorang guru perlu menguasai dua kompenan dalam pengetahuan dengan baik iaitu pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi. Pengetahuan kandungan merujuk kepada pemahaman guru tentang kurikulum, sukatan pelajaran, isi pelajaran dan hasil pembelajaran yang perlu difahami oleh murid. Manakala pengetahuan pedagogi pula merujuk kepada pengetahuan yang berkaitan dengan pemilihan kaedah, teknik dan pendekatan yang sesuai dalam menyampaikan isi kandungan setiap mata pelajaran. Dengan menggabungkan pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi dengan baik, seorang guru dapat memberikan pengajaran yang berkualiti dan dapat memastikan pembelajaran yang efektif bagi murid-murid mereka.

Seorang guru perlu mempunyai sikap proaktif iaitu sentiasa memandang dan melangkah ke hadapan untuk menyiapkan diri dengan menguasai isi kandungan mata pelajaran yang disampaikan dan bijak memanfaatkan pelbagai pendekatan dan teknik dalam pengajaran. Menurut Naquiah dan Jimaain (2018), guru perlu menyiapkan diri dengan meningkatkan pengetahuan kandungan dalam pengajarannya kerana sistem pendidikan semakin mencabar. Walaupun demikian, guru juga perlu menambahbaik serta meningkatkan pengetahuan pedagogi agar dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih bermakna.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Istilah pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) merupakan gabungan pengetahuan tentang isi pelajaran yang diajar dengan pengetahuan pedagogi dalam pemilihan kaedah, pendekatan dan teknik mengajar. Gabungan keduanya menjadikan guru lebih memahami dan menguasai pedagogi isi kandungan mata pelajaran dan seterusnya membolehkan guru mengolah bagaimana tajuk dapat dirancang, disusun dan seterusnya disampaikan kepada murid mengikut kebolehan, pengetahuan sedia ada dan minat mereka.

Reynolds (1992), dalam model pengajarannya menyatakan pengetahuan guru dan kemahiran guru melibatkan tiga peringkat yang disebut sebagai domain tugasan mengajar iaitu yang melibatkan peringkat praaktif, interaktif dan posaktif. Guru dapat memperbaiki amalan pengajarannya dengan mengambil kira ketiga-tiga domain ini dan mengaitkannya dengan pengetahuan dan kemahiran yang baharu. Shulman (1986) mengatakan, guru perlu mengadaptasikan pengetahuan dan kemahiran dalam merancang sesi pengajaran dan pembelajaran yang diperolehi bersama murid dan menilai serta membuat refleksi diakhir sesi pengajaran dan pembelajaran. Kesemua langkah ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru secara berterusan. Dengan beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan keperluan murid, serta melakukan penilaian dan refleksi yang teliti, guru dapat memastikan bahawa mereka memberikan pengajaran yang bermakna dan berkesan. Ini bukan sahaja menguntungkan murid-murid tetapi juga menyokong perkembangan profesional guru sebagai pendidik yang lebih baik.

2.2. Teori Amalan Pengajaran Guru

Amalan guru merujuk kepada sikap, tabiat dan tingkah laku guru dalam merancang pengajaran dengan sistematik agar dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajararan yang menarik dan bermakna kepada murid. Seorang guru juga perlu mempunyai pemikiran kreatif dalam merancang pengajaran supaya dapat menarik minat murid mengikutinya. Shulman (1986), memberi takrifan amalan pengajaran merupakan satu tindakan guru dalam sesi pengajaran yang meliputi pengurusan pedagogi. Ini termasuklah dalam memberi penerangan, interaksi antara guru dan murid, disiplin, kerja kumpulan, soal jawab dan pengajaran secara inkuiri. Amalan pengajaran yang berkesan memerlukan guru membuat perancangan pengajaran dengan teliti seperti menetapkan objektif pembelajaran yang dapat dicapai oleh murid, pemeringkatan isi pelajaran, pemilihan teknik dan strategi pengajaran, serta pemilihan bahan bantu mengajar yang menarik.

Model amalan pengajaran berkesan oleh Slavin (1995) dapat dijadikan panduan oleh guru untuk menghasilkan PdP yang menarik dan bermakna. Menurut Slavin (1995), amalan pengajaran guru yang bermakna dan berkesan meliputi kualiti pengajaran guru, kesesuaian pengajaran guru mengikut aras kebolehan murid, insentif atau galakan yang diberikan kepada murid dan masa pengajaran guru. Amalan pengajaran guru yang berkesan dipengaruhi oleh perancangan guru dalam merancang Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang menitikberatkan kesesuaian aras kemahiran murid. Menyediakan RPH sebelum memulakan PdP merupakan tanggungjawab seorang guru. Kesediaan murid untuk belajar merupakan faktor yang penting untuk memastikan murid dapat mengikuti pengajaran guru. Kesinambungan daripada perkara ini, guru perlu menyusun dan merancang pengajarannya yang mengambil kira dan bersesuian dengan tahap kebolehan dan perbezaan murid.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Model pengajaran berkesan seterusnya adalah amalan guru dalam memberikan insentif kepada murid. Insentif yang diberikan oleh guru berupaya memberikan motivasi dan dorongan kepada murid untuk meneruskan pembelajaran. Oleh itu, guru perlu menyediakan PdP yang dapat menarik minat murid dan murid merasa seronok melaksanakannya. Disamping itu, guru boleh memberikan insentif berupa peneguhan sama ada pujian kepada murid yang mempamerkan tingkah laku yang baik mahupun hadiah kepada murid yang telah menguasai kemahiran.

Amalan pengajaran seterusnya adalah dari segi pengurusan masa guru. Pengurusan masa guru di sekolah terbahagi kepada dua iaitu masa mengajar yang diperuntukan oleh pihak sekolah dan masa tugasan. Masa tugasan digunakan untuk mendampingi murid dan memberikan tunjuk ajar. Pengurusan masa yang sistematik dalam kalangan guru membolehkan guru dapat menyelesaikan tugasan dengan baik. Pengurusan masa guru meliputi pelaksanaan jadual waktu mengajar yang diberikan, merancang pengajaran, merancang aktiviti kelas, memperuntukan masa perbincangan bersama murid dan pentadbir, persiapan aktiviti kurikulum dan kokurikulum dan sebagainya. Secara tuntasnya, kualiti pengajaran guru yang mengambil kira kesesuaian aras murid, memberikan insentif dan galakan yang membina serta pengurusan masa yang sistematik dapat menjadikan amalan pengajaran guru yang cemerlang seterusnya dapat melahirkan murid yang berketerampilan, menguasai isi pelajaran, dan mencapai kejayaan akademik yang lebih tinggi.

3. Metod Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan data yang diperlukan. Populasi kajian terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah kategori luar bandar di Daerah Kota Kinabalu. Jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 132 orang guru Pendidikan Islam daripada 29 buah sekolah rendah di kawasan luar bandar di Kota Kinabalu. Untuk memilih sampel kajian, kaedah persampelan kebarangkalian jenis rawak mudah digunakan, di mana setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Berdasarkan populasi ini, jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan, yang menetapkan bahawa seramai 101 orang guru perlu dijadikan sampel. Oleh itu, 101 orang guru Pendidikan Islam dari sekolah rendah kategori luar bandar telah terlibat dalam proses pengumpulan data bagi kajian ini.

Kajian rintis telah dijalankan yang melibatkan 34 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah kategori bandar yang tidak terlibat dalam kajian sebenar untuk memastikan data yang diperolehi memenuhi kehendak kajian. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Melalui kajian rintis ini, sebarang masalah atau kekeliruan yang timbul dalam instrumen boleh dikenal pasti dan diperbaiki sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Ini memastikan bahawa instrumen yang digunakan dalam kajian sebenar adalah tepat dan boleh dipercayai. Pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha adalah satu ukuran statistik yang digunakan untuk menilai kebolehpercayaan atau konsistensi dalaman satu set item atau soalan dalam soal selidik atau ujian. Pekali ini memberikan anggaran tentang sejauh mana item-item dalam satu skala berkaitan antara satu sama lain dan boleh dipercayai untuk mengukur konsep yang sama. Nilai keseluruhan alpha cronbach bagi 20 item soal selidik ialah 0.941. Menurut Chua (2011), nilai pekali kebolehpercayaan antara 0.60 hingga 0.80 dianggap baik manakala nilai 0.90 hingga 1.0 dianggap sangat baik. Kebanyakan pengkaji juga

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mencadangkan nilai pekali alfa melebihi 0.80 mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (Mageret Lo & Ruhizan, 2022). Secara keseluruhan, item dari soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang sangat baik dan boleh dilaksanakan pada kajian sebenar. Dapatan kebolehpercayaan nilai *Alpha Cronbach* ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Kebolehpercayaan instrumen

Konstruk	Bilangan item	Nilai Alpha Cronbach
Pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza	10	0.949
Amalan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza	10	0.866
Keseluruhan	20	0.941

Instrumen dalam kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada beberapa kajian terdahulu iaitu oleh Ain Nur Atika (2021), Rathaneswaary dan Ruhizan (2022), Norhidayah dan Zamri (2023), Hanita dan Anuar (2023), serta kajian Ainnieda dan Nor Azwahanum (2023). Soal selidik ini telah diolah mengikut objektif kajian yang dijalankan. Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian A,B dan C. Bahagian A meliputi profil responden. Bahagian B mengandungi 10 item soalan yang berkaitan dengan tahap pengetahuan GPI dalam pengajaran terbeza. Bahagian C pula berkaitan dengan amalan GPI dalam pengajaran terbeza. Skala Likert lima mata digunakan dalam soal selidik ini, dengan pilihan jawapan (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* edisi 29.0 dan dihuraikan secara deskriptif. Skor min bagi setiap konstruk dinilai merujuk interpretasi skor min pada Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Min	Tahap
0.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Sumber: Diadaptasi daripada Hanita dan Anuar (2023)

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi Responden

Jadual 3 menunjukkan responden yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bilangan responden guru Pendidikan Islam perempuan adalah tinggi iaitu seramai 62 orang (61.4%) manakala responden guru Pendidikan Islam lelaki seramai 39 orang (38.6%) yang menjadikan jumlah keseluruhan seramai 101 orang responden. Kesemua responden ini merupakan guru Pendidikan Islam sekolah rendah kategori luar bandar di Daerah Kota Kinabalu. Responden berumur antara 31 hingga 40 tahun merupakan responden yang tertinggi iaitu seramai 39 orang (38.6%), diikuti responden yang berumur 41-50 tahun pula seramai 34 orang (33.7%), responden berumur 21 hingga 30 tahun seramai 22 orang (21.0%) manakala bilangan terkecil adalah responden berumur 51 hingga 60 tahun iaitu seramai 6 orang (5.9%). Berdasarkan dapatan

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengalaman mengajar, sebahagian besar responden mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun, iaitu seramai 33 orang (32.7%). Diikuti oleh mereka yang mempunyai pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun seramai 22 orang (21.8%). Sebanyak 19 orang (18.8%) mempunyai pengalaman mengajar 16 hingga 20 tahun, manakala 14 orang (13.9%) mempunyai pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun. Responden yang mempunyai pengalaman mengajar 21 tahun ke atas merupakan kumpulan yang paling rendah, iaitu seramai 13 orang (12.9%).

Jadual 3: Demografi responden

Kategori		N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	39	38.6%
	Perempuan	62	61.4%
Umur	21-30 tahun	22	21.0%
	31-40 tahun	39	38.6%
	41-50 tahun	34	33.7%
	51-60 tahun	6	5.9%
Pengalaman Mengajar	1-5 tahun	33	32.7%
	6-10 tahun	22	21.8%
	11-15 tahun	14	13.9%
	16-20 tahun	19	18.8%
	21 tahun keatas	13	12.9%

4.2. Tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza

Jadual 4 menunjukkan paparan tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza. Hasil analisis data menunjukkan tahap pengetahuan keseluruhan adalah berada pada tahap yang tinggi (M=4.25,SP=0.369). Bilangan responden setuju dan sangat setuju menunjukkan kekerapan dan peratus tertinggi berbanding skala likert yang lain iaitu hampir 100%. Daripada 10 item yang diuji, item "Saya mengetahui setiap murid mempunyai pelbagai perbezaan" mempunyai bilangan responden setuju dan sangat setuju yang tinggi iaitu 99%. Begitu juga item yang lain mempunyai bilangan setuju dan sangat setuju yang tinggi diatas 90%. Bilangan responden yang tidak setuju hanya terdapat pada item B1, B2 dan B9 sahaja namun mewakili bilangan yang kecil iaitu 1.0%.

Jadual 4: Tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam

Penyataan	STS	TS	Kekerapan (n=101) TP	S	SS	Min	SP	Interpretasi
Saya faham dan jelas tentang konsep pendekatan pengajaran terbeza dengan baik	-	1 1.0%	2 2.0%	75 74.3%	23 22.8%	4.19	0.504	Tinggi
Saya mengetahui kepentingan melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran Pendidikan Islam	-	1 1.0%	2 2.0%	61 60.4%	37 36.6%	4.33	0.568	Tinggi

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Saya tahu pembelajaran terbeza merupakan pembelajaran yang sesuai digunakan dalam pengajaran Pendidikan Islam selaras dengan PAK 21		7 6.9%	63 62.4 %	31 30.7 %	4.2 4	0.56 8	Tinggi
Saya mengetahui setiap murid mempunyai pelbagai perbezaan		1 1.0%	39 38.6 %	61 60.4 %	4.5 9	0.51 3	Tinggi
Saya mengetahui setiap murid mempunyai pelbagai perbezaan		4 4.0%	61 60.4 %	36 35.6 %	4.3 2	0.54 6	Tinggi
Saya tahu elemen yang terkandung dalam pengajaran terbeza iaitu kandungan, proses, produk dan persekitaran		3 3.0%	73 72.3 %	25 24.8 %	4.2 2	0.48 2	Tinggi
Saya tahu cara untuk menetapkan kandungan, proses, produk dan persekitaran berdasarkan konsep pengajaran terbeza dalam mata pelajaran Pendidikan Islam		10 9.9%	74 73.3 %	17 16.8 %	4.0 7	0.51 5	Tinggi
Saya tahu pelaksanaan pengajaran terbeza dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan penguasaan murid dalam Pendidikan Islam		2 2.0%	56 55.4 %	43 42.6 %	4.4 1	0.53 3	Tinggi
Saya tahu teknik mengajar yang bersesuaian dengan keperluan murid menggunakan pengajaran terbeza dalam Pendidikan Islam	1 1.0 %	7 6.9%	70 69.3 %	23 22.8 %	4.1 4	0.56 6	Tinggi
Saya tahu cara mengaplikasikan pengajaran terbeza dalam Pendidikan Islam		9 8.9%	76 75.2 %	16 15.8 %	4.0 7	0.49	Tinggi

4.3. Tahap amalan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza

Dapatan kajian dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa amalan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran terbeza berada pada tahap yang tinggi. Ini berdasarkan nilai min (M) sebanyak 4.15 dan sisihan piawai (SP) sebanyak 0.427. Secara keseluruhan, majoriti responden memberikan maklum balas yang positif terhadap amalan tersebut, dengan antara 85% hingga 99% responden menyatakan persetujuan atau sangat bersetuju pada semua item yang dinilai.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

Jadual 5: Tahap amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam

Penyataan	STS	TS	Kekerapan (n=101) TP	S	SS	Min	SP	Interpretasi
Saya merancang PdP berdasarkan kepelbagaian murid di dalam kelas			1 1.0%	68 67.3 %	32 31.7 %	4.31	0.485	Tinggi
Saya menentukan isi kandungan pelajaran berdasarkan pada kebolehan murid			2 2.0%	63 62.4 %	35 35.6 %	4.34	0.515	Tinggi
Saya menentukan proses pembelajaran murid mengikut tahap kepelbagaian murid belajar		1 1.0 %	2 2.0%	62 61.4 %	36 35.6 %	4.32	0.564	Tinggi
Saya mempelbagaikan pengajaran yang menepati kriteria pengajaran terbeza		2 2.0 %	6 5.9%	65 64.4 %	28 27.7 %	4.18	0.623	Tinggi
Saya menilai hasil pembelajaran murid berdasarkan perbezaan tahap pencapaian mereka			4 4.0%	64 63.4 %	33 32.7 %	4.29	0.535	Tinggi
Saya mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakan pengajaran terbeza kepada murid	2 2.0 %	8 7.9 %	21 20.8%	54 53.5 %	16 15.8 %	3.73	0.893	Tinggi
Saya mempunyai sumber-sumber pengajaran yang mencukupi untuk tujuan pengajaran terbeza kepada murid		4 4.0 %	17 16.8%	63 62.4 %	17 16.8 %	3.92	0.703	Tinggi
Saya mengaplikasikan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid			4 4.0%	70 69.3 %	27 26.7 %	4.23	0.508	Tinggi
Saya mengawal proses pelaksanaan pendekatan terbeza secara profesional dan berterusan		1 1.0 %	14 13.9%	65 64.4 %	21 20.8 %	4.05	0.623	Tinggi

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Saya membuat refleksi dan penilaian pengajaran untuk menambahbaik pelaksanaan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran	5 5.0%	73 72.3 %	23 22.8 %	4.18	0.498	Tinggi
Min Keseluruhan				4.15	0.427	Tinggi

5. Perbincangan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan amalan GPI sekolah rendah kategori luar bandar di Daerah Kota Kinabalu dalam pengajaran terbeza berada pada tahap yang tinggi. Guru-guru Pendidikan Islam didapati mengetahui bahawa setiap murid mempunyai pelbagai perbezaan dan mereka memahami dengan jelas konsep pendekatan terbeza dengan baik. Mereka juga mengetahui elemen-elemen yang terkandung dalam pengajaran terbeza. Guru-guru Pendidikan Islam ini menyedari bahawa penggunaan pendekatan terbeza dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan penguasaan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Dapatan ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Ain Nur Atika (2021), Kee dan Zamri (2023), Rathaneswaary dan Ruhizan (2022), Thian et al. (2022), serta Ainnieda dan Nor Azwahanum (2023). Kajian-kajian ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru bersedia untuk menguasai kaedah, teknik, dan pendekatan pengajaran yang mampu memberikan kefahaman yang lebih baik kepada murid dalam mencapai objektif pembelajaran. Naquiah dan Jimaain (2018) menyatakan bahawa guru perlu mempunyai daya usaha dan pengetahuan yang mendalam untuk menguasai pengetahuan pedagogi dan isi kandungan dalam sesuatu mata pelajaran. Tambahan lagi, pengetahuan guru yang luas dalam pengajaran terbeza mampu menjadikan pengajaran guru lebih mudah diterima oleh murid yang mempunyai tahap penguasaan yang berbeza di dalam bilik darjah yang sama. Hal ini kerana guru merancang rancangan pengajaran mengikut kesediaan murid, memilih kaedah, teknik, dan pendekatan yang sesuai dengan tahap penguasaan murid, menyediakan bahan bantu pengajaran, menilai murid mengikut tahap kognitif mereka, dan membuat refleksi selepas pengajaran.

Walaupun demikian, dapatan ini berlawanan dengan dapatan kajian Zurina et al. (2021), yang menjalankan kajian kepada guru-guru pendidikan Islam di Zon Selatan. Kajian ini mendapati tahap pengetahuan kurikulum dan amalan guru dalam melaksanakan pengajaran terbeza berada di tahap yang sederhana sehingga mencadangkan pihak berwajib mengadakan seminar mahupun bengkel yang dapat membantu guru memahami lebih mendalam lagi konsep pengajaran terbeza. Kajian ini senada dengan dapatan kajian Safiek (2021) yang menjalankan kajian terhadap guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran terbeza. Hasil kajiannya mendapati, tahap amalan guru dalam pengajaran terbeza berada pada tahap sederhana namun guru mengetahui kepentingan menjalankan pengajaran terbeza dalam PdP mampu memberi peluang kepada semua murid mendapatkan peluang sama rata dalam memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Di samping itu, dapatan kajian ini mendapati guru Pendidikan Islam bersikap positif dan menerima pendekatan pengajaran terbeza digunakan dalam PdP. Guru Pendidikan Islam didapati mempelbagaikan pengajaran yang menepati kriteria pengajaran terbeza dalam menyampaikan PdP, merancang PdP berdasarkan kepelbagaian murid dan menggunakan

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pelbagai sumber PdP untuk menarik minat murid. Ini disokong dengan kajian Safiek (2021) dan Danial Arif (2020) yang mendapati guru-guru di sekolah pedalaman kategori 3 mempunyai persepsi positif terhadap pengajaran terbeza walaupun kurang pengetahuan mengenainya. Walaupun demikian, kajian mendapati guru Pendidikan Islam menghadapai cabaran dalam memperuntukan masa yang cukup dan sumber-sumber pengajaran yang mencukupi untuk melaksanakan pengajaran terbeza. Dapatan ini selari dengan kajian Hanita dan Anuar (2023) yang mendapati terdapat lima cabaran yang dihadapi guru antaranya beban kerja guru, jumlah murid yang ramai di dalam kelas, Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang terhad, kekangan masa guru dan kekurangan prasarana yang lengkap.

Dapatan ini disokong dalam kajian Danial Arif (2020), Halida dan Zamri (2021), serta Noradzimah et al. (2022) yang menghadapi masalah dalam penyediaan BBM dan bahan sokongan lain untuk melaksanakan pengajaran terbeza yang memfokuskan kepelbagaian tahap penguasaan murid. Disamping itu, faktor prasarana sekolah yang berada di pedalaman juga menyukarkan guru menyediakan BBM yang dapat digunakan mengikut aras kognitif murid. Menurut Farah dan Fadzilah (2018), penyediaan BBM dan keperluan yang secukupnya amat penting dalam memastikan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dapat diimplimentasikan kepada murid demi memastikan objektif pembelajaran dan kemenjadian murid dapat dicapai. Untuk mengatasi cabaran ini, langkah-langkah seperti peningkatan peruntukan masa untuk perancangan pengajaran yang lebih efektif, peningkatan akses kepada sumber-sumber pengajaran yang berkualiti, dan penyediaan latihan yang sesuai untuk guru-guru Pendidikan Islam dalam merancang dan melaksanakan pengajaran terbeza mungkin perlu dipertimbangkan. Selain itu, kerjasama dengan pihak sekolah, ibu bapa, dan masyarakat juga penting dalam menyediakan sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan amalan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah kategori luar bandar dalam pengajaran terbeza berada pada tahap tinggi. Hasil kajian ini membawa implikasi yang besar kepada pembelajaran murid. Ini kerana amalan pengajaran yang menggunakan pendekatan bersifat *"one-size-fits-all"* yang hanya melihat semua murid sebagai entiti seragam tidak lagi relevan atau efektif dalam memenuhi kepelbagaian dan keperluan murid di bilik darjah moden. Hal ini mewujudkan kepelbagaian aras murid di dalam kelas yang sama dan mempunyai latar belakang yang pelbagai. Kepelbagaian aras murid di dalam satu bilik darjah yang sama sedikit sebanyak menyukarkan guru menyampaikan isi pelajaran dengan menggunakan kaedah, teknik dan pendekatan pengajaran yang sama. Namun begitu, melalui pengajaran terbeza, guru dapat menyampaikan PdP kepada murid secara adil kerana melalui pengajaran terbeza kepelbagaian tahap pengetahuan murid dapat diraikan dengan mengubah suai kandungan pelajaran, proses pengajaran, produk atau hasil murid dan persekitaran bilik darjah berdasarkan aspek kesediaan, minat murid dan profil pembelajaran mereka. Ini dapat mengatasi perbezaan jurang antara semua murid. Pengajaran terbeza bukan sahaja memberi ruang untuk kepelbagaian, tetapi juga memperkukuhkan keadilan dalam pendidikan dengan memastikan semua murid mempunyai akses kepada pengalaman pembelajaran yang bermakna dan sesuai. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam perlulah peka dengan mengambilkira kepelbagaian murid dalam merancang, menyusun dan melaksanakan proses PdP supaya setiap murid dapat mencapai potensi diri masing-masing. Jelaslah di sini bahawa tahap pengetahuan dan amalan guru dalam pengajaran terbeza banyak membantu guru dalam

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

proses PdP yang dapat meraikan kepelbagaian murid dan mengembangkan potensi murid secara optimum.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi dan mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, PPD dan Guru Besar setiap sekolah yang menjadi responden. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada Dr Khadijah Abdul Razak yang banyak memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian ini dan terima kasih kepada semua responden yang telah memberi kerjasama dan menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan berkaitan penyelidikan, pengarangan dan penerbitan.

Rujukan

Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap Pengetahuan Dan Kesediaan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *11*(1), 75-87.

Ainnieda Lataq Impak & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2023). Pembelajaran Terbeza Dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *5*(1), 205-216.

Bondie, R. S., Dahnke, C., & Zusho, A. (2019). How does changing "one-size-fits-all" to differentiated instruction affect teaching?. *Review of Research in Education*, *43*(1), 336-362.

Chua, Y.P. (2011). *Kaedah penyelidikan.* Edisi kedua. Kuala Lumpur. McGraw Hill.

Danial Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Yang Mengajar Di Sekolah Rendah Pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *10*(2), 29-42.

Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman. (2018). Sorotan Kajian Kesediaan Dan Keperluan Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah. *PENDETA*, *9*, 80-101.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Halida Jawan & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat Bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *3*(1), 67-77.

Hanita Ladjaharun & Anuar Ahmad. (2023). Pengajaran Terbeza: Kajian Tinjauan Terhadap Guru Sejarah Sekolah Menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *8*(1), Artikel e002050.

Ithar Hanani Mohd Zaki & Khadijah Abdul Razak. (2022). Amalan Pedagogi Terbeza Guru Pendidikan Islam Pasca Pandemik. *Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan*.

Kee, Q. W., & Zamri Mahamod. (2023). Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Terhadap Pendekatan Pengajaran Terbeza. *International Journal of Education and Pedagogy*, *5*(2), 1-14.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, *30*(3), 607-610.

Mageret Lo & Ruhizan M. Yasin. (2022). Penglibatan ibu bapa dan komuniti serta hubungannya dengan motivasi murid SJKC sepanjang PdPR. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *7*(4), e001426.

Mohd Faeez Illias, Julia Madzalan, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Annasaii Jamar & Murihah Abdullah . (2022). Analisa faktor halangan guru Pendidikan Islam sekolah bestari dalam penggunaan bahan bantu mengajar. *Sains Humanika*, *14*(2), 1-7.

Naquiah Nahar & Jimaain Safar. (2018). Penguasaan pengetahuan kandungan (content knowledge): pemangkin keterampilan pedagogi Jawi berkesan abad ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, *8*(1), 45-59.

Noradzimah Abdul Majid, Azyanzuhaila Hasan Basri, Lavaneesvari Manogaran, Rohani Abdul Wahab, Ismail Raduan, Hamden Gani & Siti Nurashiken Md Sabudin. (2022). Tahap Penguasaan Guru-Guru Novis (Lanjutan) Matematik Sekolah Rendah dalam Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Terbeza Kandungan. *ICELAM*, *2*(2-12), 498-509.

Norhidayah Azni Mohamed Zohomi & Zamri Mahamod. (2023). Amalan Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Pendekatan Pengajaran Terbeza. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *5*(1), 14-24.

Nuraishahtun Md Akhir, Zamri Mahomad, Siti Faraziah Md Akib & Norshila Sailon. (2019, September). Pelaksanaan modul pedagogi terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (SKEPEN) Ke-6* (pp. 1450-1465).

Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran guru pemulihan khas terhadap pengajaran terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *7*(4), e001445.

Reynolds, A. (1992). What is competent beginning teaching? A review of the literature. *Review of educational research*, *62*(1), 1-35.

Rosidah Ramli & Nurahimah Mohd. Yusoff. (2020). Self-efficacy and differentiated instruction: A study among Malaysian school teachers. *Universal Journal of Educational Research*, *8*(4), 1252-1260.

Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah. *Borneo International Journal, 4*(3), 9-18.

Shulman, L. S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational researcher*, *15*(2), 4-14.

Slavin, R. E. (1995). A model of effective instruction. *The Educational Forum*, 59(2), 166-176.

Thian, K. N., Narahan Raduan & Zaimuariffudin Shukri Nordin. (2022). Amalan Pendekatan Pedagogi Terbeza Dengan Penguasaan Kemahiran Berbahasa Dalam

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Di Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *4*(2), 128-141.
Tomlinson, C. A. (2008). The goals of differentiation. *Educational leadership, 66*(3), 26-30.
Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. *Tinta Artikulasi membina ummah*, *7*(2), 1-11.
© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).